

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2016 DAN JASAMU DIKENANG, LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA, MYSIHAT

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016 dan Jasamu Dikenang pada 13 Julai 2017. Majlis telah dijalankan bagi meraikan dan menghargai jasa dan sumbangan Mantan-Mantan Ahli Lembaga, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia serta Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian kesihatan Malaysia yang telah bersara bermula 1 Julai 2017. Majlis turut meraikan tiga (3) orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2016 MySihat sebagai satu tanda pengiktirafan terhadap prestasi kerja dan sumbangan yang telah diberikan oleh mereka.





